

DEKLARASI E-SAK KA OU

Deklarasi ini telah diisytiharkan semasa Persidangan Serantau Asia mengenai Hak Orang Asal, Biodiversiti dan Perubahan Iklim, yang diadakan pada 5-8 November 2023 di Krabi, Thailand.

“Kehidupan kami adalah sama. Kami sama dengan tanah. Kami berasal dari tanah. Kami kembali ke tanah.

“Kami tidak boleh melihat tanah itu sebagai hak milik kami, kerana sesungguhnya kami adalah hak milik tanah.

“Jika kami faham perkara ini, kami akan faham bagaimana berkongsi dan memberi. Tetapi jika kami tidak faham, kami akan berjuang dan mengambil tanah untuk menjadikannya milik kami.”

– Joni Odochao, Penatua Karen

Asia ialah rantau yang mempunyai kepelbagaian biologi dan budaya yang tinggi di mana kami, Orang Asal, memainkan peranan penting dalam memulihara dan mengurus tanah, wilayah, perairan dan sumber kami. Walau bagaimanapun, kami juga menghadapi pelbagai cabaran dan ancaman akibat perubahan iklim, kemusnahan hutan, kerosakan tanah, pencabulan hak asasi manusia, dan apa yang dikatakan / digelar pembangunan. Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan untuk menyokong, mengiktiraf dan menghormati nilai, amalan, tanah, wilayah, perairan dan sumber kami.

Berpandukan kebijaksanaan nenek moyang dan penatua kami, yang telah mempertahankan tanah, wilayah, perairan dan sumber kami sejak zaman berzaman;

Komited untuk memenuhi peranan kami sebagai penjaga tanah, wilayah, perairan, alam semulajadi, dan warisan budaya kami;

Didorong oleh keinginan untuk terus mempromosi nilai-nilai masyarakat bersolidariti, penyayang, dan suka berkongsi, kepada generasi akan datang dan kepada masyarakat yang lebih luas;



Deklarasi E-sak Ka Ou

"E-sak Ka Ou" adalah istilah yang digunakan oleh Orang Asal Urak Lawoi untuk merujuk kepada tempat nenek moyang mereka mula - mula menetap di Pulau Lanta, di Wilayah Krabi, Thailand. Ia bermaksud insang pari Manta.

Bimbang dengan kehilangan biodiversiti yang cepat, pemanasan global yang tidak terkawal, pencemaran yang meluas, semuanya yang menjejaskan kualiti hidup kami dan mengancam budaya kami, jangkaan masa depan yang suram untuk generasi semasa dan akan datang, serta planet dan kehidupan di bumi;

Menyedari bahawa krisis biodiversiti, iklim, dan pencemaran berakar umbi dalam struktur dan hubungan sosio-ekonomi dan politik yang tidak adil yang melanggar hak-hak asasi manusia dan Orang Asal, yang mana pelaku dan pihak berwajib harus bertanggungjawab;

Mengulangi bahawa kami berhak mendapat hak kolektif kami seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Hak Orang Asal PBB (UNDRIP) yang harus diiktiraf dan dihormati dalam rangka kerja undang-undang dan dasar kerajaan. Percubaan oleh kerajaan untuk mengurangkan hak Orang Asal melalui generalisasi dan istilah yang memesongkan identiti dan hak undang-undang kami, tidak boleh dirunding;


Menegaskan bahawa penglibatan aktif Orang Asal dalam semua proses pembuatan dasar dan pembuatan keputusan yang berkaitan adalah penting untuk mencapai visi dan objektif kewujudan bersama serta kesejahteraan manusia dan alam semulajadi;

Kami, 47 delegasi ke Persidangan Serantau Asia mengenai Hak Orang Asal, Biodiversiti dan Perubahan Iklim, diadakan pada 5-8 November 2023 di Krabi, Thailand, mewakili 32 komuniti Orang Asal, Wanita, belia, orang kurang upaya, dan organisasi pembangunan dari 11 negara, persidangan diakhiri dengan penegasan hak kami dan seruan untuk pengawasan untuk melindungi hak-hak ini, seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Hak Orang Asal PBB (UNDRIP).

Kami mengemukakan Deklarasi Persidangan ini sebagai kenyataan kedudukan kolektif kami sebagai Orang Asal kearah mencari penyelesaian kolaboratif atas kebimbangan dan isu mendesak yang dihadapi oleh kami dan seluruh umat manusia.



(CorDisRDS Inc.)



Kepentingan dan Kesegeraan Pelaksanaan Komitmen Global dan Pendekatan Keseluruhan Masyarakat

Keterdesakan untuk menangani krisis biodiversiti dan iklim amat jelas dan dirasai setiap hari dalam komuniti kami, ia menjejaskan budaya, cara hidup dan pengetahuan Orang Asal dalam semua ekosistem dan wilayah di dunia. Perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti adalah soal hidup atau mati bagi kami; hak asasi manusia kami untuk hidup dan alam sekitar yang bersih, sihat dan mampan sedang terancam. Keadaan mendesak ini juga telah dinyatakan dengan jelas oleh proses Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CDB) dan Persidangan Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC). Proses-proses ini memerlukan perubahan transformatif, menonjolkan bahawa beroperasi seperti biasa bukan lagi satu pilihan. Ia juga menyeru pendekatan keseluruhan kerajaan (whole-of-government) dan keseluruhan masyarakat (Whole-of-society) yang amat mendesak di peringkat nasional dan sub-nasional.

Kami mengiktiraf dan mengalu-alukan bahawa sumbangan, hak, pengetahuan dan nilai kami telah semakin diiktiraf dan dihormati dalam proses global, akan tetapi kami amat bimbang perkara ini tidak ditunjukkan dalam proses, undang-undang dan piawaian di peringkat nasional. Di kebanyakan negara, undang-undang bercanggah dengan undang-undang dan piawaian antarabangsa seperti UNDRIP, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) Syor Am No. 39, UNCBD Kunming-Montreal Biodiversity Framework (KMGBF), dan Perjanjian Paris mengenai Perubahan Iklim.

Penglibatan dalam Strategi dan Pelan Tindakan Kepelbagaian Negara (NBSAP) dan Rancangan Tindakan Iklim Negara (NDC)

Untuk mengoperasikan pendekatan keseluruhan masyarakat, kami menyeru kerajaan untuk memastikan penglibatan penuh dan berkesan Orang Asal, termasuk wanita, belia dan orang kurang upaya, dalam pembuatan keputusan berkaitan biodiversiti dan perubahan iklim. Ini amat penting dalam pembangunan atau semakan dan pengemaskinian Strategi dan Pelan Tindakan Kepelbagaian Negara (NBSAPs) supaya selaras dengan rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal (KMGBF) dan Rancangan Tindakan Iklim Negara (NDC) dengan mewujudkan ruang untuk Orang Asal. Mekanisme penglibatan yang berkesan di semua peringkat proses ini mesti diwujudkan segera, di peringkat nasional dan sub-nasional, atau memperkukuhkan yang sedia ada.



NBSAP dan NDC seharusnya tidak hanya tertumpu pada pemuliharaan top-down (dikawal dari atas), mitigasi iklim dan tindakan penyesuaian tanpa Izin, Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT) yang sudah memberi kesan kepada kami dan melanggar hak kami. NBSAP dan NDC harus berdasarkan pendekatan berasaskan hak asasi manusia, termasuk sasaran yang tepat untuk menjamin hak kolektif kami dan untuk memastikan Izin, Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT) untuk semua biodiversiti dan tindakan iklim di tanah, wilayah, perairan dan sumber kami. Mereka juga mesti mengiktiraf dan menghargai sumbangan, nilai, amalan, dan perspektif kami tentang pemuliharaan, penggunaan mampan, pemulihan alam semulajadi, serta mitigasi dan adaptasi iklim. (Mitigasi merujuk kepada satu tindakan untuk mengurangkan pelepasan karbon yang menyebabkan perubahan iklim, dan adaptasi merupakan satu tindakan untuk menguruskan risiko dari impak perubahan iklim)

Nilai Pengetahuan Orang Asal dalam Perubahan Iklim dan Pemuliharaan Biodiversiti

Pengetahuan kami adalah holistik dan melihat kesalinghubungan dunia – tempat tinggal kami. Ia adalah peta budaya dan ekologi wilayah kami. Ia adalah asas kesejahteraan masyarakat dan daya tahan budaya kami dan mengekalkan hubungan yang baik dengan yang tidak kelihatan seperti yang dinyatakan dalam kerohanian kami, serta dengan ekosistem yang sihat dan alam sekitar. Mewariskan pengetahuan kepada generasi dan kehidupan kami secara berterusan adalah penting untuk pemulihan keseimbangan ekologi dan alam sekitar serta kehidupan di planet ini sendiri. Pengetahuan kami dipegang secara kolektif oleh penatua, wanita, belia dan kanak-kanak untuk kebaikan bersama masyarakat dan keadilan setiap sektor. Walaubagaimanapun, pengetahuan kami semakin hilang kerana faktor luaran seperti kemusnahan sistem pendidikan dan kehilangan nilai serta penghakisan budaya dan pandangan dunia kami.

Kami menyeru pihak berwajib dan masyarakat dunia untuk mengiktiraf sifat holistik sistem pengetahuan kami dan peranan utama mereka dalam mencapai sasaran dan matlamat UNCBD dan UNFCCC, khususnya dalam Pelan Adaptasi Kebangsaan (NAP), NBSAP dan NDC. Kami berusaha untuk menghidupkan semula pengetahuan dan amalan kami melalui dokumentasi dan penyebaran maklumat berkenaan amalan baik, dan bukti yang dihasilkan dari ini membolehkan kami mempromosikan sistem pengetahuan Orang Asal ke dalam rangka kerja pembangunan negara dan dasar. Untuk kami mencapai matlamat ini, sumber kewangan mesti diperuntukkan secukupnya kepada Orang Asal dengan pendanaan secara langsung kepada organisasi dan komuniti kami.



Pengiktirafan Hak Orang Asal dalam Pemuliharaan

Sasaran 3 KMGBF bertujuan untuk memastikan bahawa menjelang tahun 2030, sekurang-kurangnya 30% daripada tanah, perairan dan kawasan lautan dipelihara dan diurus dengan berkesan melalui sistem kawasan perlindungan dan langkah-langkah lain, mengiktiraf wilayah Orang Asal. Walaubagaimanapun, undang-undang dan rangka kerja dasar mengenai kawasan terlindung dan pemuliharaan meneruskan legasi penjajahan yang menggunakan pendekatan pemuliharaan yang “membuat kubu”, yang tidak mengiktiraf amalan pemuliharaan Orang Asal atau pemilikan kolektif kami ke atas tanah, wilayah, perairan dan sumber. Pendekatan ini seterusnya melanggar hak kami, menggantikan komuniti kami, menjenayahkan pembela hak Orang Asal, mewujudkan konflik, dan gagal mencapai hasil biodiversiti yang positif.

Kami menyeru Kerajaan, NGO pemuliharaan dan institusi yang berkaitan untuk menambahbaik undang-undang pemuliharaan dan rangka kerja dasar dan menyemak semula pelan strategik yang mengiktiraf wilayah Orang Asal sebagai laluan ketiga yang berbeza daripada kawasan perlindungan dan Langkah pemuliharaan berasaskan kawasan (OECM) berkesan yang lain dalam mencapai Sasaran 3. Kerajaan, institusi kewangan dan perniagaan mesti menghentikan stereotaip diskriminasi, penjenayaan dan pembunuhan Orang Asal dan memastikan tiada hak asasi manusia dicabuli dalam pelaksanaan program, projek dan aktiviti pemuliharaan perubahan iklim dan biodiversiti. Mereka harus menyokong cara kami, Orang Asal dalam pemuliharaan wilayah dan penggunaan sumber yang mampan.

Pasaran Karbon dan Kredit Biodiversiti

Sebarang projek atau program kredit karbon dan biodiversiti di tanah, wilayah dan perairan kami tidak boleh berlaku tanpa Izin, Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT). Kami memerlukan maklumat penuh dan ketelusan tentang pasaran ini, bagaimana ia berkaitan dan memberi kesan kepada institusi adat dan kosmologi kami, dan apa yang mereka maksudkan untuk hak kami ke atas tanah, wilayah, perairan, sumber dan integriti budaya. Penilaian impak budaya, alam sekitar dan hak asasi manusia mesti dilaksanakan dengan penglibatan penuh Orang Asal supaya kami boleh membuat keputusan termaklum secara kolektif untuk berunding agar dapat berkongsi manfaat secara adil dan saksama.

MALEYA
Foundation



PEREMPUAN AMAN



NEFIN



Pasaran karbon dan biodiversiti boleh menjadi gangguan dari matlamat utama untuk mengurangkan pelepasan karbon secara drastik yang disebabkan oleh pencemar dan pelaku yang mempunyai tanggungjawab sejarah untuk menyebabkan perubahan iklim. Konsep mengimbangi bukanlah penyelesaian sebenar; pengurangan gas rumah hijau (GHG) pada sumber adalah kuncinya. Mekanisme dan piawai yang didorong oleh komuniti adalah penting untuk bergerak melangkaui pasaran karbon dan biodiversiti yang berasaskan kepada komodifikasi alam semulajadi.

Peranan Orang Asal dalam Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan.

Kami menuntut kerajaan dan pihak berwajib yang berkenaan memastikan penglibatan dan penglibatan penuh, berkesan dan saksama Orang Asal termasuk wanita, belia dan orang kurang upaya, dalam merancang, melaksana, memantau dan melaporkan kepelbagaian biologi dan perubahan iklim, termasuk melalui penjana data pada semua peringkat.

Kerajaan mesti menggabungkan mekanisme sokongan (seperti sokongan teknikal dan kewangan) dalam perancangan mereka untuk sebarang aktiviti iklim dan biodiversiti. Program dan dana mesti dilaksanakan dengan mekanisme perlindungan sedia ada, seperti Izin, Makluman Awal, Bebas dan Telus (IMABT) Orang Asal, selaras dengan UNDRIP.

Kerajaan juga mesti mengiktiraf dan menyokong, termasuk melalui pendanaan langsung, sumbangan Sistem Pemantauan dan Maklumat Berasaskan Komuniti (CBMIS) terhadap biodiversiti dan perubahan iklim di semua peringkat, terutamanya di peringkat tempatan dan dalam laporan nasional, mengiktiraf sumbangan sistem pengetahuan, penanda aras dan peralatan Orang Asal, seiring dengan inovasi saintifik dan teknologi.

Kerugian dan Kerosakan

Orang Asal mengalami kerugian dan kerosakan ekonomi dan bukan ekonomi yang teruk akibat perubahan iklim, Orang Asal hanya menyumbang pemanasan global dan kehilangan biodiversiti yang minimum. Kerajaan mesti memastikan bahawa Dana Kerugian dan Kerosakan mempunyai dasar Orang Asal yang tersendiri, Kumpulan Penasihat Orang Asal dan wakil Orang Asal termasuk dalam badan pembuat keputusan dalam struktur tadbir urus dana yang dicadangkan. Disamping itu, prinsip dan piawai hak asasi manusia harus menjadi teras kepada mekanisme Dana Kerugian dan Kerosakan serta operasinya. Selain itu, kerugian bukan ekonomi dan kerosakan kepada Orang Asal merupakan komponen yang wajib dalam Dana Kerugian dan Kerosakan dan harus ditakrifkan oleh Orang Asal.



Pembangunan Keupayaan Orang Asal, Pelakon Bukan Orang Asal, dan Entiti Negara

Pembinaan keupayaan Orang Asal, terutamanya wanita, belia dan orang kurang upaya, untuk membolehkan penglibatan kami dalam proses UNCBD dan UNFCCC adalah penting. Adalah perlu untuk meningkatkan kapasiti pihak-pihak yang berkaitan untuk berinteraksi secara bermakna dengan Orang Asal, dan untuk mendapatkan IMABT daripada komuniti yang terlibat dalam pelaksanaan semua tindakan iklim dan biodiversiti.

Kewangan dan Pendanaan

Tanah, wilayah, perairan dan sumber Orang Asal terdapat di sebahagian besar baki biodiversiti dunia, dan menyumbang secara besar-besaran kepada objektif UNCBD dan UNFCCC. Walaupun kami penyumbang paling sedikit kepada pemanasan global dan kehilangan biodiversiti, kami adalah yang paling terjejas dan tidak diberikan sumber yang diperlukan untuk menangani krisis iklim dan biodiversiti.

Pendekatan berasaskan hak asasi manusia mesti membimbing pelaburan dan pergerakan mana-mana kewangan ke dalam tanah, wilayah, dan perairan Orang Asal dengan mematuhi sepenuhnya UNDRIP, memastikan pemilikan, kepimpinan, penentuan nasib sendiri dan tadbir urus kami.

Mekanisme Kewangan di bawah Dana Rangka Kerja Biodiversiti Global (GBFF), Dana Iklim Hijau (GCF), dan Dana Kerugian dan Kerosakan, antara lain, mesti mempunyai kemudahan khusus dengan program kerja khusus untuk Orang Asal, termasuk wanita, belia dan orang kurang upaya. Kami menuntut dan menyeru kerajaan, terutamanya negara maju, untuk menyediakan kewangan yang boleh dicapai, berazam tinggi dan boleh dipercayai dari sumber awam untuk disalurkan secara langsung kepada Orang Asal. Kewangan iklim dan biodiversiti tidak boleh diberikan dalam bentuk pinjaman atau hutang sebaliknya sebagai sebahagian dari akauntabiliti sosial-alam sekitar dan tanggungjawab kerana perbuatan masa lampau.



PACOS Trust



Cambodia Indigenous Youth Association



C.I.P.O.



HILL-LANDERS ASSOCIATION RATANAK KIRI

Deklarasi E-Sak Ka Ou

- ✉ Mr. Lakpa Nuri Sherpa (nuri@aippnet.org)
- ✉ Ms. Pirawan Wongnithisathaporn (pirawan@aippnet.org)
- ✉ Mr. Prem Singh Tharu (prem@aippnet.org)